

Pengalaman disembur menakutkan

LANGKAWI 29 Julai Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan pengalamannya disembur sejenis cecair pada muka di Kota Bharu, Kelantan semalam, sebagai sesuatu yang amat menakutkan.

Ini kerana, menurutnya, semburan itu mengakibatkan beliau tidak mampu bernafas apabila kerongkong tersekat manakala hidung dan mata merasa pedih sehingga gagal untuk melihat sejurus selepas disembur cecair tersebut.

"Ia amat menakutkan kerana dalam tempoh yang singkat saya tidak boleh bernafas," katanya kepada pemberita selepas melawat kedai roti miliknya, The Loaf Bakery di

Telaga Harbour, Pantai Kok dan Jetty Point di Kuah di sini hari ini.

Beliau tiba bersama isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. AM di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi selepas mengadakan lawatan di Kota Bharu semalam.

Dr. Mahathir yang tidak diberi kawalan keselamatan ketat, kelihatan tenang ketika tiba di sini dan berkesempatan meluangkan masa melayani orang ramai yang berpusu-pusu untuk bertemu dan bergambar dengan beliau di tempat-tempat dikunjunginya.

Menceritakan pengalamannya, kata Dr. Mahathir, selepas turun dari pesawat di lapangan terbang itu, beliau sepatutnya berucap di atas sebuah kenderaan pacuan em-

pat roda untuk mengucapkan terima kasih kepada orang ramai yang menyambutnya.

Bagaimanapun, ketika beliau cuba memasuki kenderaan itu, seorang lelaki berbadan tegap menariknya dengan kasar untuk menghalangnya meneruskan ucapan.

"Tetapi saya masuk juga dan semasa masuk dan cuba berdiri untuk bercakap, muka saya disembur. Apabila kena semburan itu, saya serta-merta tidak boleh bercakap dan bernafas.

"Tekak saya rasa teruk dan mata pedih. Pada masa itu, saya ingatkan polis sembur gas pemedih mata kepada orang ramai tetapi gas mempunyai warna sedangkan semburan itu tidak berwarna," katanya.

Selain dirinya, kata beliau, doktor peribadinya turut terkena semburan tersebut.

Ditanya apakah jenis bahan yang disembur, Dr. Mahathir berkata, beliau percaya ia merupakan sejenis semburan yang digunakan oleh kaum wanita untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa rogol.

Dalam pada itu, beliau tidak bersetuju dengan kenyataan polis bahawa semburan itu sebenarnya bukan ditujukan kepadanya sebaliknya kepada kumpulan lain yang bertelagah.

Dr. Mahathir memberitahu, beliau akan bekerjasama dengan polis untuk memberikan keterangan berhubung insiden itu.